

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN  
YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]**

**NO. SOALAN : 10**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah kejayaan program "mobilepreneur" dan apakah cadangan penambahbaikan sebagai usaha membantu para usahawan khususnya golongan luar bandar sebagai galakan untuk menambah pendapatan sedia ada.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Program Mobilepreneur@KKLW telah dilancarkan oleh YB Menteri pada 21 Mei 2016 di Bera, Pahang melibatkan penyerahan motosikal kepada 70 peserta terawal. Penyerahan secara berperingkat dilaksanakan di setiap negeri selepas itu kepada penerima yang memenuhi syarat-syarat serta kriteria yang ditetapkan. Jumlah penerima bantuan Mobilepreneur adalah seramai 500 orang bagi tahun 2016. Sehingga kini, peserta Mobilepreneur telah beroperasi di antara 1-6 bulan.

Secara umumnya, Program Mobilepreneur bermatlamat membantu golongan belia luar bandar meningkatkan pendapatan melalui perkhidmatan bergerak menggunakan motosikal. Berdasarkan hasil laporan pemantauan yang dibuat sehingga Januari 2017, peserta telah mencatatkan peningkatan pendapatan secara purata sebanyak RM 460

daripada pendapatan asal. Seramai 43 orang (8.6%) pula memperoleh peningkatan melebihi RM1000. Ini adalah pencapaian yang memuaskan memandangkan tempoh pelaksanaannya yang masih di peringkat awal.

Dari segi peratusan peningkatan pendapatan, 343 orang atau 68.6% mencatatkan pendapatan melebihi 30% daripada pendapatan asal. Justeru, Kementerian berkeyakinan penuh program ini berpotensi untuk menjayakan matlamat dalam meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar dan secara tidak langsung memajukan kawasan luar bandar.

Kementerian telah meneliti pelaksanaan Mobilepreneur pada tahun 2016 dan mengesyorkan beberapa penambahbaikan untuk menjamin kejayaan program ini pada tahun 2017 antaranya :-

- i. Pemantapan proses pemilihan peserta melalui proses saringan yang lebih ketat;

- ii. Pemantauan dan pelaporan melalui konsep 'Buddy' iaitu Agensi Pelaksana/Pengurus Program memantau peserta dalam bilangan yang kecil; dan
- iii. Latihan keusahawanan diperkemaskan dengan meluaskan aspek sokongan pemasaran termasuk aplikasi mobile, sistem rekod akaun dan asas selenggaraan motosikal.